



Matrix Concepts raikan golongan kurang berkemampuan sempena Deepavali

SEMPENA sambutan Deepavali, Khamis ini, syarikat pemaju perumahan dan harta tanah, Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) meraikan kanak-kanak dan keluarga dalam kalangan kurang berkemampuan dan kurang

bernasib baik.

Ia menerusi penganjuran program sambutan *Festival of Lights: Illuminating Hearts with the Spirit of Giving* yang diadakan di Tempat Country Club di Bandar Sri Sendayan, Seremban baru-baru ini.

Ketua Pegawai Pemasaran Matrix Concepts, Lim Kok Yee berkata, pelbagai aktiviti diadakan seperti bengkel khas seni dan kraftangan, jamaua serta persembahan bertujuan meraikhan golongan terbadit. Katanya, pihak syarikat

percaya, menerusi setiap sentuhan kebaikan yang diberikan termasuk meraikan dan meluangkan masa dapat memberikan kegembiraan yang besar kepada kanak-kanak terlibat khususnya sempena Deepavali tidak

lama lagi.

■ PIHAK pengurusan Matrix Concepts bersama pelajar dan ibu bapa yang diraikan sempena sambutan Deepavali dalam majlis yang diadakan di Bandar Sri Sendayan, Seremban baru-baru ini.